



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)
(Pindaan) 1988**

DR.20/1988

D.R. 20/88

Nashkah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[.]

BAHAWASANYA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu dihentikan tindakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam subseksyen (2) seksyen 3.

Tajuk
ringkas
dan mula ber-
kuatkuasa.

Seksyen
baru 6A.
Akta 316.

2. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen baru 6A yang berikut:

"Perintah tahanan tidak menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa atas alasan-alasan tertentu.

6A. Tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa oleh sebab—

(a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaksudkan—

(i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat ditahan di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 6;

(ii) terus ditahan selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 3 sebelum dia dipindahkan ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 6, walaupun tempoh maksimum bagi penahanan sedemikian di bawah subseksyen (2) seksyen 3 telah tamat; atau

(iii) telah semasa jangka masa perintah tahanan itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 6; atau

(b) perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 6, atau terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.”.

3. (1) Seksyen 11B Akta ibu adalah dipinda dengan menomborkannya semula sebagai “11B. (1)” dan memasukkan selepas itu subseksyen baru (2) yang berikut: Pindaan seksyen 11B.

“(2) Apa-apa pembatalan di bawah subseksyen (1) tidaklah menjejaskan keesahan perintah atau arahan sebelum pembatalannya atau apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya, atau kuasa Menteri untuk membuat perintah baru atau memberi arahan baru sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) berkenaan dengan orang yang terhadapnya perintah atau arahan yang dibatalkan itu telah dibuat atau diberi.”.

(2) Subseksyen (2) seksyen 11B Akta ibu yang telah dimasukkan ke dalam seksyen 11B oleh subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral bagi seksyen 11B tersebut mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya seksyen itu.

4. (1) Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6 Akta ibu terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut “tempoh peralihan”), maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai, dan sentiasa dan pada setiap masanya menjadi, sah dan menurut undang-undang, walaupun pada bila-bila masa semasa jangka masa perintah tahanan itu dia telah ditahan di mana-mana tempat tahanan selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 6 tersebut, atau terus ditahan di tempat yang dia telah ditahan di bawah seksyen 3 Akta ibu selepas tempoh maksimum yang diperuntukkan baginya di bawah subseksyen (3) seksyen 3 tersebut tamat, atau telah berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke tempat tahanan seperti yang disebut

Pengesahan perintah tahanan dan penahanan, dan tanggung rugi.

terdahulu, atau terdapat apa-apa kelengahan dalam menyampaikan perintah tahanan itu kepadanya, atau perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan itu, atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah itu kepadanya.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua pun prosiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau, jika dibawa atau dimulakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubungan dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang sedemikian yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah telah diberikan berkenaan dengannya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

(3) Setakat mana peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan (2) terpakai bagi tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu dan tarikh penyiaran Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 dalam *Warta*, peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan (2) hendaklah sebagai tambahan kepada, dan memperluaskan, dan bukanlah mengurangkan, peruntukan-peruntukan seksyen 15 dan 16 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 tersebut.

Akta A629.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat menurut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

2. *Fasal 2* memasukkan selepas seksyen 6 seksyen baru 6A yang memperuntukkan bahawa tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa jika orang yang terhadapnya suatu perintah tahanan dibuat telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 6 (2), atau jika penyampaian perintah itu telah dibuat di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 6 (2), atau jika terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu.

3. *Fasal 3* memasukkan subseksyen baru (2) ke dalam seksyen 11B yang telah dipinda supaya dibaca "11B. (1)". Subseksyen baru (2) mengekalkan keesahan sesuatu perintah atau arahan sebelum tarikh pembatalannya, dan kuasa Menteri untuk membuat perintah baru atau memberikan suatu arahan baru berkenaan dengan orang yang telah menjadi subjek sesuatu perintah yang telah dibatalkan.

4. *Fasal 4 (1)* bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan atau apa-apa penahanan yang dibuat semasa tempoh peralihan walaupun orang yang berkenaan telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 6 (2), orang yang berkenaan itu telah ditahan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain semasa berada dalam perjalanan ke tempat tahanan itu, perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah itu.

Fasal 4 (2) melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah *fasal 4 (1)*. Larangan ini, bagaimanapun, tidak terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang jika mahkamah telah memberi keputusan muktamad sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan itu.

Fasal 4 (3) memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan subfasal (1) dan (2) adalah sebagai tambahan kepada dan bukanlah mengurangkan seksyen 15 dan 16 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1494.]